

Rujukan Kami (Our Ref) :UMP.02.01/10.12/2/1 (21)

23 Disember 2016

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL 12 TAHUN 2016:
BANTUAN KHAS TAHUN 2016**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian tuan / puan berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan **Pekeliling Pentadbiran UMP Bil 12 Tahun 2016: Bantuan Khas Tahun 2016** bagi staf di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)

B.p. : Pendaftar

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 12 TAHUN 2016
BANTUAN KHAS TAHUN 2016

TUJUAN

- 1.0 Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk memberi Bantuan Khas Tahun 2016 kepada staf di Universiti Malaysia Pahang (UMP) selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2016 : Bayaran Khas Tahun 2016.

LATAR BELAKANG

- 2.0 Ahli Lembaga Pengarah (LPU) dalam mesyuarat bertarikh 9 Disember 2016 (Jumaat) telah meluluskan pemberian Bantuan Khas Tahun 2016 sebanyak RM500.00 dengan **menggunakan sumber dalaman UMP** dan akan dibayar kepada staf di atas keprihatinan serta bagi menghargai khidmat bakti staf di UMP.
- 3.0 Jumlah peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak **RM 904,000.00** bagi menampung pembayaran kepada seramai **1818 orang** staf yang telah dikenalpasti layak menerima Bantuan Khas Tahun 2016 di UMP.

PELAKSANAAN

- 4.0 Bayaran Khas Tahun 2016 ini diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat pada tahun 2016 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya **30 hari berturut-turut** termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016.
- 5.0 Pembayaran Bantuan Khas Tahun 2016 akan dilaksanakan kepada kumpulan pegawai serta melalui tatacara yang telah ditetapkan di dalam jadual di bawah;

Kumpulan	Keterangan
Pegawai yang layak	(a) pegawai lantikan tetap, sementara, <i>contract of service</i> ;

	<ul style="list-style-type: none"> (b) pegawai yang bercuti separuh gaji tetapi tidak sepanjang tahun 2016; (c) pegawai yang bercuti tanpa gaji tetapi tidak sepanjang tahun 2016; dan (d) pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tahun 2016.
Pegawai tidak layak	<ul style="list-style-type: none"> (a) Pegawai lantikan Skim Perkhidmatan Akademik, Skim Kepakaran Akademik, Ikhtisas, dan <i>Post-Doctoral</i>; (b) pegawai yang berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut dalam tahun 2016; (c) pegawai yang bercuti separuh gaji sepanjang tahun 2016; (d) pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 2016; (e) pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tahun 2016; (f) pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tahun 2016; dan (g) pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tahun 2016.
Penangguhan bayaran	<p>Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bayaran Khas Tahun 2016 ini. Pegawai hanya layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah</p>
Pekerja Sambilan Harian (PSH)	<ul style="list-style-type: none"> (a) Bayaran Khas Tahun 2016 sebanyak RM500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2016. (b) Bayaran bantuan khas kewangan bagi PSH akan dilakukan dengan menggunakan dana daripada vot Tabung Mengurus.

<p>Pesara</p>	<ul style="list-style-type: none"> (a) Pesara Kerajaan yang menerima pencen akan dibayar RM250 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). (b) Pegawai yang bersara dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 30 Januari 2016 hanya layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 sebanyak RM250.00. (c) Pegawai yang bersara dalam tempoh 31 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 sebanyak RM500.00, tertakluk kepada syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 31 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh JPA dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat (UMP). (d) Pesara yang dilantik semula secara Contract of Service dalam tahun 2016 layak dibayar sebanyak RM500 tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh JPA dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran (UMP).
<p>Pegawai meninggal dunia</p>	<ul style="list-style-type: none"> (a) Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2016 hingga 29 Januari 2016 hanya layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 sebanyak RM250.00. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM250.00 tersebut akan dibuat oleh JPA.

	<p>(b) Bagi pegawai yang meninggal dunia dalam tempoh 30 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2016 sebanyak RM500.00 tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 30 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016. Pembayaran kepada mana-mana penerima pencen terbitan yang layak di bawah undang-undang pencen sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh JPA, manakala baki sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat (UMP).</p>
--	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

6.0 Pembayaran Bantuan Khas Tahun 2016 oleh UMP akan dikreditkan ke dalam akaun staf pada **30 Disember 2016**.

TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN

7.0 Bayaran Bantuan Khas Tahun 2016 adalah menjadi **tanggungjawab jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran**.

TARIKH KUAT KUASA

8.0 Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa dari tarikh semasa pekelliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(ABD. HAMID BIN MAJID)

Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 23 Disember 2016

Edaran kepada:

Pendaftar

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)